

DATUK ASRI DIPILIH PRESIDEN HAMIM



DATUK ASRI

KOTA BAHARU, Ahad — Parti Hizbulmuslim (Hamim) telah membentuk Majlis Pimpinan Pusatnya (Majlis Tertinggi) dan Datuk Haji Mohamad Asri Muda terpilih sebulat suara sebagai presiden parti.

Bekas pengerusi tetap Pas, Haji Ahmad Shukri bin Abdul Shukur dari Kedah, terpilih sebagai timbalan presiden.

Dua jawatan naib presiden disandang oleh bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan, Haji Wan Ismail Wan Ibrahim dan Haji Abdul Wahab Yunus dari Terengganu.

Pemilihan itu dibuat dalam mesyuarat khas anggota-anggota pengasas Hamim dan penyokongnya dari seluruh negara, di ibu pejabat parti itu, di Jalan Kebun Sultan, di sini malam tadi.

12 ahli

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Asri itu telah melantik Ahli Parlimen Rantau Panjang, Encik Hassan Mohamad sebagai setiausaha agung, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Meranti, Datuk Haji Nik Man Nik Mat, sebagai bendahari agung dan bekas Adun Jeli, Nik Mustapha Shafie selaku setiausaha kerja.

Bekas Pesuruhjaya Pas Kedah, Datuk Sudin Wahab, dilantik sebagai ketua penerangan pusat.

Mesyuarat juga memilih 12 orang ahli Majlis Pimpinan Pusat terdiri dari Haji Ahmad Long dari Perlis, Datuk Haji Ishak Lutfi (Kelantan), Haji Wan Ibrahim Wan Abdullah (Kelantan), Haji Hashim Yahya (Wilayah Persekutuan), Haji Mohamad Zain Abdullah (Kelantan).

Haji Azahari Hamzah (Negeri Sembilan), Encik Ahmad Kintan (Johor), Encik Yusoff Haji

Oleh
**KAMAL
HT**

Rashidi (Selangor), Puan Alblah Ahmad (Perak), Encik Ahmad Fakaruddin Abdullah (Kelantan), Haji Mohamad Ramli dan Encik Harun Jusoh (Kedah).

Sementara bekas Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Haji Mahid Salleh, dilantik oleh presiden menduduki kerusi majlis tersebut.

Menurut perlembagaan Hamim, presiden berkuasa melantik empat orang ahli Majlis Pimpinan Pusat tiga lagi akan dilantik kemudian.

Datuk Haji Asri sendiri menjadi ketua perhubungan Hamim bagi Negeri Kelantan, Encik Yahya bin Baginda (Perlis), Haji Ahmad Shukri Shukur (Kedah), Encik Mohamad Haji Junid (Perak), Encik Yusoff Haji Rashidi (Selangor), Haji Hashim Yahya (Wilayah Persekutuan), Haji Azahari Hamzah (Negeri Sembilan), Encik Ahmad

Kintan (Johor) dan Haji Wahab Yunus (Terengganu).

Ketua perhubungan bagi negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka dan Pahang, akan dilantik kemudian oleh presiden parti.

Senarai ini diumumkan oleh Datuk Haji Asri dalam satu sidang akhbar, di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Cepa, dekat sini hari ini, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Katanya, Majlis Pimpinan Pusat juga telah menubuhkan jawatankuasa tata tertib parti yang dipengerusikan oleh Haji Ahmad Shukri Abdul Shukur dan timbalannya Haji Wan Ismail Haji Wan Ibrahim serta 4 orang ahli jawatankuasa terdiri dari Haji Ahmad Long, Datuk Haji Ishak Lutfi, Encik Ahmad Ramli dan Haji Hashim Yahya dan Encik Hassan Haji Mohamad sebagai setiausahanya.

Datuk Haji Asri berkata, Hamim akan menyusun strategi-strategi baru politiknya mulai hari ini dan akan menggerakkan jenteranya ke seluruh negara, khususnya di negeri Kelantan selepas Hari Raya ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia